

# Malaysia kutuk serangan Israel di Masjid Al-Aqsa

Tindakan biadab rejim Zionis terhadap umat Islam Palestin pada pagi Jumaat tak boleh diterima

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia mengutuk serangan tentera Israel ke atas penduduk dan jemaah Palestin yang beribadat di Masjid Al-Aqsa kelmarin, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Susulan kejadian itu juga, Perdana Menteri melahirkan kebimbangan Malaysia terhadap peningkatan keganasan di wilayah Palestin yang dijajah Israel.

Mendasari isu itu, katanya, Malaysia menggesa masyarakat antarabangsa memperbaharui tekad bagi mencari penyelesaian terhadap konflik berpanjangan Israel-Palestin.

"Serangan ke atas satu daripada masjid paling suci bagi umat Islam dan dilakukan dalam Ramadan yang mulia ini menunjukkan keganasan berlanjutan dan dasar apartheid diamalkan tentera penjajah Israel terhadap hak asasi, kehidupan, kesejahteraan serta maruah rakyat Palestin.

"Malaysia juga akan terus bekerjasama rapat dengan masyarakat antarabangsa bagi mencari keamanan dan keadilan bagi rakyat Palestin, selain kemakmuran di Asia Barat.

"Pada masa sama, Malaysia menegaskan sokongan tidak berbelah bahagi kepada rakyat Palestin dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan daripada pendudukan haram Israel, merealisasikan



Jemaah Masjid Al-Aqsa membersihkan serpihan dinding susulan pertempuran antara penduduk Palestin dan tentera Israel, Jumaat lalu.

(Foto AFP)

aspirasi menubuhkan sebuah negara Palestin merdeka, berdasarkan sempadan pra-1967 dan Baitulmaqdis sebagai ibu kotanya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Media melaporkan, kira-kira 150 rakyat Palestin cedera, manakala ratusan lagi ditahan susulan serbuan tentera Israel di pekarangan Masjid Al-Aqsa, semalam.

Rakyat Palestin mengadakan protes selepas serangan itu dan menyeru semua negara Islam melindungi Al-Aqsa.

Keganasan di Baitulmaqdis baru-baru ini menimbulkan kebimbangan berulangnya tragedi pembunuhan beramai-ramai pada Mei 2021, apabila Israel membunuh lebih 250 rakyat Palestin dan mengakibatkan 1,900 lagi cedera di Gaza.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, berkata perbuatan keji serta tidak berperikemanusiaan itu amat dikesali dan tidak sepatutnya ber-



Tentera Israel menghalang jemaah warga emas untuk memasuki Masjid Al-Aqsa bagi menunaikan solat Jumaat.

(Foto AFP)

laku terutama pada Jumaat, apatah lagi umat Islam Palestin sedang berpuasa serta menunaikan ibadah ketika Ramadan.

"Tindakan tentera rejim Israel yang turut menyasar wanita dalam serangan itu, adalah perbuatan yang kejam dan tidak boleh

diterima sama sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Saifuddin menegaskan, Malaysia akan terus konsisten dalam memperjuangkan nasib dan kebebasan rakyat Palestin.

Sementara itu, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal-

"Serangan ke atas satu daripada masjid paling suci bagi umat Islam dan dilakukan dalam Ramadan yang mulia ini menunjukkan keganasan berlanjutan dan dasar apartheid diamalkan tentera penjajah Israel terhadap hak asasi, kehidupan, kesejahteraan serta maruah rakyat Palestin"

Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri



Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata kekejaman pasukan keselamatan Israel itu tidak akan dimaafkan umat Islam seluruh dunia.

Beliau berkata, sesiapa sahaja yang mempunyai perasaan kemanusiaan tanpa mengira agama pun tidak dapat menerima serangan demi serangan yang dilakukan Israel terhadap golongan berusia, wanita dan kanak-kanak.

Katanya, kezaliman dan keangkuhan tentera zionis Israel menjarah dan membobrokkkan benteng hak asasi manusia tidak terhenti sekalipun pada Ramadan yang mulia di kiblat kedua, masjid dan tanah suci bagi umat Islam.

"Kita tidak tahu berapa banyak lagi nyawa yang akan melayang akibat kerakusan zionis Israel ini sepanjang bulan yang mulia ini.

"Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh mereka yang terkorban dalam insiden tragis itu dan doa kami dari rakyat Malaysia sentiasa mengiringi perjuangan saudara Islam di sana," katanya.